

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini  
Majlis Veterinar Malaysia (MVM)**

**Peringatan Pematuhan Standard Akreditasi dan Pengiktirafan  
Program Pengajian Pra-Siswazah Perubatan Veterinar (DVM) dan  
Keperluan Akreditasi Sekolah Veterinar.**

[Surat Peringatan MVM bertarikh 23 Januari 2026]

Ringkasan ketetapan

- i. Majlis Veterinar Malaysia (MVM) mengingatkan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang menawarkan Program Doktor Perubatan Veterinar agar sentiasa mematuhi standard dan keperluan akreditasi seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan untuk Akreditasi dan Pengiktirafan Program Pendidikan Pra-Siswazah Perubatan Veterinar (DVM) dan Sekolah Veterinar (*Guidelines for Accreditation and Recognition of DVM Undergraduate Education Programme and Veterinary School*).
- ii. Justeru, PPT diingatkan untuk memberi perhatian khusus agar terus mematuhi aspek utama dan kritikal seperti berikut:
  1. Nisbah pelajar kepada kakitangan akademik dan sokongan (1 pensyarah: 8 pelajar);
  2. Pematuhan kepada kelayakan masuk calon pelajar, dan kelayakan minimum pensyarah program Doktor Perubatan Veterinar di Malaysia yang ditetapkan. Pensyarah yang melaksanakan pengajaran amalan klinikal perlu mempunyai perakuan amalan tahunan atau perakuan amalan sementara yang sah pada setiap masa;
  3. Pendedahan dan bebanan kes (*caseload*) yang mencukupi dan bersesuaian dari segi kompleksiti yang merangkumi kes perubatan, pembedahan dan siasatan penyakit. Taburan kes yang munasabah mengikut spesis haiwan yang dikawal atur oleh akta yang berkuat kuasa di Malaysia terutamanya di bawah Akta Doktor Veterinar 1974 dan Akta Binatang 1953. Bebanan dan kebolehcapaian kes hendaklah sentiasa tersedia meliputi khidmat runding dengan klien (*client consultation*), kes diagnostik, bedah siasat (*post mortem investigation*) serta amalan perubatan veterinar lain-lain yang menyokong aktiviti pengajaran dan latihan pelajar pra-siswazah perubatan veterinar; dan
  4. Kemudahan fizikal, ruangan akademik, bangunan, hospital pengajar veterinar, peralatan serta sumber sokongan yang berkaitan dengan pendidikan perubatan veterinar pra-siswazah.
- iii. Surat peringatan ini boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- iv. Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) perlu memastikan standard ini dipatuhi bagi memastikan kualiti latihan dan pendidikan yang diberikan, keselamatan serta kebajikan pelajar, dan seterusnya mengekalkan integriti serta status akreditasi program pengajian doktor perubatan veterinar yang ditawarkan.

Disediakan oleh:  
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia  
2 Mac 2026